



MODUL PRAKTIS PERKASA SPM 2024
JABATAN PELAJARAN NEGERI PAHANG



SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

3756/2

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2 / Set 2

2 1/2 jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **tiga** soalan daripada **Bahagian A** dan **dua** soalan di **Bahagian B**.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis di atas kertas jawapan yang disediakan . Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat kemas dan dihantar pada akhir peperiksaan.
4. Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

[Kertas Soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak]

Bahagian A
[60 markah]
Jawab semua soalan

1. (a) Lengkapkan jadual berikut.

Peringkat dalam kitaran perakaunan	Penerangan
	Terdiri daripada Jurnal Am, Jurnal Khas, Buku Tunai dan Buku Tunai Runcit.
	Akaun hasil dan akaun belanja akan dipindahkan ke dalam Akaun Perdagangan dan Untung Rugi.

[2 markah]

- (b) Berikut adalah satu pernyataan dalam perekodan perakaunan:

Penyata Kewangan Vitual Store disediakan setiap tahun pada 31 Ogos dengan mengambil kira semua belanja prabayar dan belanja belum bayar semasa menghitung untung bersih.

Nyatakan andaian, prinsip dan batasan perakaunan yang sesuai dengan pernyataan tersebut.

[2 markah]

- (c) Maklumat berikut diambil daripada Buku Tunai Runcit Kedai Buku Bala:

1 Januari 2024: Jumlah penerimaan	RM450
1 Januari – 31 Januari 2024: Jumlah pembayaran	RM239

Berdasarkan Sistem Panjar:

- i) Hitung baki tunai runcit pada 31 Januari 2024.
- ii) Berapakah jumlah rekupmen daripada ketua juruwang?

[2 markah]

- (d) Nyatakan dua jenis nisbah kewangan.

[2 markah]

- (e) Kelab Golf Padang Tembak mempunyai 200 ahli. Yuran tahunan sebanyak RM150 dikenakan kepada setiap ahli. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2023, kelab ini menerima yuran daripada ahlinya sebanyak RM35 000.

Berapakah jumlah yuran yang sepatutnya dicatatkan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023?

[2 markah]

2. Jenka Maju Enterprise adalah sebuah perniagaan milik Haji Abdullah yang menjalankan perniagaan di premisnya sendiri di Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Pahang. Berikut adalah Imbangan Duga pada 31 Disember 2023.

Jenka Maju Enterprise Imbangan Duga pada 31 Disember 2023		
	Debit (RM)	Kredit (RM)
Tunai	500	
Bank	20000	
Akaun Belum Terima	5 000	
Akaun Belum Bayar		600
Peruntukan hutang ragu		150
Modal pada 1 Januari 2023		100 000
Premis (kos)	120 000	
Kenderaan	70 000	
Lengkapan	9 500	
Susut nilai terkumpul lengkapan		950
Belian	80 000	
Jualan		210 804
Belanja am	300	
Inventori pada 1 Januari 2023	24 500	
Gaji	28 414	
Sewa		7 280
Pulangan	500	
Ambilan	620	
Alat tulis	450	
Pinjaman		40 000
	359 784	359 784

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 31 Disember 2023 ialah RM6 000.
- (ii) Sewa diterima sebulan ialah RM560.
- (iii) Kos angkutan RM670 yang dikenakan oleh pembekal belum direkodkan dalam mana-mana buku.
- (iv) Hutang lapuk terpulih RM700 telah diterima dengan cek.
- (v) Peruntukan hutang ragu 2% atas Akaun Belum Terima.

- (vi) Kenderaan bernilai RM70 000 dibeli pada 1 Julai 2023 disusutnilaikan pada kadar 20% setahun atas kos.
- (vii) Lengkapan disusutnilaikan pada kadar 10% setahun atas baki berkurangan.
- (viii) Pinjaman RM60 000 telah dibuat pada 1 Januari 2022. Kadar faedah atas pinjaman adalah 4% setahun.
- (ix) Komisen belum terima RM1 500

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2023. *[13 markah]*
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023. *[12 markah]*

3. Evina dan Edmund merupakan pekongsi dalam Perkongsian Mawar Grocer yang beroperasi di Bentong, Pahang.

Ikatan perkongsian adalah seperti berikut:

- (i) Faedah atas modal ialah 8% setahun mengikut nilai modal
- (ii) Faedah atas ambilan ialah 5% setahun.
- (iii) Evina menguruskan perkongsian dan dibayar gaji RM10 000 setahun.
- (iv) Pembahagian untung atau rugi adalah secara sama rata.

Baki pada 30 Jun 2024:

	Evina RM	Edmund RM
Akaun Modal	60 000	60 000
Akaun Semasa	1 870	560 (Dt)
Ambilan	12 000 (1 Oktober 2023)	6 600 (1 Mac 2024)
Pinjaman Edmund		18 000

Untung bersih sebelum pelarasan bagi tahun berakhir 30 Jun 2024 ialah RM24 350.

Perkara berikut perlu diambil kira untuk menyelaraskan untung bersih:

- Insurans prabayar RM750.
- Hutang lapuk pulih RM500.
- Faedah atas pinjaman Edmund belum bayar RM240.
- Peruntukan hutang ragu diselaraskan 3% atas Akaun Belum Terima.

Pada 30 Jun 2024 baki-baki berikut diperolehi daripada buku perkongsian.

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Akaun belum terima dan Akaun belum bayar	9 800	11 360
Bank	19 520	
Inventori	5 800	
Premis	70 000	
Kenderaan	50 000	
Susut nilai terkumpul kenderaan		9 500
Perabot	12 000	
Susut nilai terkumpul Perabot		1 200



Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Untung Bersih Terselaras bagi tahun berakhir 30 Jun 2024. [5 markah]
- (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2024. [5 markah]
- (c) Akaun Semasa setiap pekongsi (*beruangan*) [8 markah]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2024. [7 markah]

Bahagian B

40 markah

(Jawab mana-mana **DUA** soalan)

4. Maklumat tentang Kilang Roti Murni adalah seperti berikut :

Tahun	Unit Jualan	Jumlah Hasil (RM)	Jumlah Kos (RM)
2023	20 000	60 000	42 000
2024	25 000	75 000	51 000

Harga jualan seunit, kos berubah seunit dan kos tetap pada kedua-dua tahun adalah malar.

Berdasarkan jadual di atas, **anda dikehendaki** :

- (a) Menghitung:

- (i) Kos Berubah Seunit [2 markah]
- (ii) Kos Tetap [2 markah]
- (iii) Harga Jualan Seunit [2 markah]
- (iv) Titik Pulang Modal untuk tahun 2024 dalam unit dan RM. [4 markah]
- (v) unit roti yang perlu dijual untuk mendapatkan keuntungan sebanyak RM16 000 dengan andaian bahawa harga jualan seunit akan meningkat sebanyak RM1.00. [2 markah]

- (b) Berdasarkan jawapan anda di 4(a), **anda dikehendaki menyediakan** graf Titik Pulang Modal di **Lampiran A** dengan menggunakan skala seperti berikut:

Paksi x - 2 cm = 1 000 unit

Paksi y - 2 cm = RM5 000

dan tunjukkan pada graf (b):

- (i) Garisan kos tetap, garisan jumlah hasil , garisan jumlah kos .
- (ii) Titik Pulang Modal.
- (iii) Kawasan untung dan rugi (lorekkan) [8 markah]

5. (a) Maklumat berikut diperoleh daripada buku perakaunan Tea Planet Trading pada 31 Disember 2023.

Tea Planet Trading
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 (petikan)

	Kos	Susut nilai terkumpul	Nilai buku
	RM	RM	RM
Aset Bukan Semasa			
Kenderaan	63 000	(6 300)	56 700
Aset Semasa			
Akaun Belum Terima	18 000		
Tolak: Peruntukan Hutang Ragu	900	17 100	
Komisen belum terima		250	

Maklumat tambahan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023:

- (i) Komisen diterima tahunan berjumlah RM1 500. Jumlah komisen yang telah diterima ialah RM1 375.
- (ii) Kenderaan disusutnilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- (iii) Pada 1 Julai 2023, sebuah kenderaan baru bernilai RM60 000 telah dibeli dengan cek.
- (iv) Pada 31 Oktober 2023, Kenderaan lama telah dijual dan cek bernilai RM55 000 telah diterima sebagai nilai jualan kenderaan berkenaan.

Anda dikehendaki menyediakan :

- (i) Akaun Komisen Diterima [2 markah]
- (ii) Akaun Kenderaan [2 markah]
- (iii) Akaun Susut Nilai Terkumpul Kenderaan [3 markah]
- (iv) Akaun Pelupusan Kenderaan [3 markah]
- (v) Akaun Untung atas Pelupusan Kenderaan [2 markah]

- (b) Megan Holding Berhad merupakan sebuah syarikat hiasan dalaman yang beroperasi di Bukit Ubi Kuantan. Pada 2 April 2020, Megan Holding Berhad telah menerbitkan 300 000 unit 7% syer keutamaan RM2.00 sesyer dan 1 500 000 unit syer biasa RM1.00. Semua syer yang diterbitkan telah dilanggan dan dibayar penuh.

Berikut adalah bahagian keuntungan syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 hingga 2023:

Tahun	Agihan Keuntungan (RM)
2020	68 000
2021	48 000
2022	30 000
2023	90 000

Anda dikehendaki melengkapkan jadual di **Lampiran A** untuk menunjukkan agihan dividen antara pemegang 7% Syer Keutamaan dan pemegang Syer Biasa bagi tahun 2020 hingga tahun 2023.

[8 markah]

6. (a) Encik Raziman pemilik Perniagaan Teguh Hardware tidak mengamalkan sistem catatan bergu dalam merekod urusan perniagaannya.

Berikut ialah maklumat kewangan Perniagaan Teguh Hardware pada 31 Disember 2023.

	1 Januari 2023	31 Disember 2023
	RM	RM
Alatan pejabat	25 000	?
Kenderaan	38 000	38 000
Akaun Belum Terima	18 420	32 600
Inventori	9 960	12 400
Bank	12 500	26 230
Insurans prabayar	-	180
Akaun Belum Bayar	13 420	9 410
Modal	90 460	?

Maklumat tambahan:

- (i) Sepanjang tahun kewangan Encik Raziman mengeluarkan cek bernilai RM800 untuk bayaran tuisyen anaknya. Perkara ini belum direkodkan.
- (ii) Kenderaan disusutnilaikan 10% setahun atas kos.
- (iii) Pemilik membeli sebuah komputer RM1 500 untuk kegunaan perniagaan menggunakan wang peribadinya.
- (iv) Seorang pelanggan diisytiharkan mufis dan hutangnya sebanyak RM300 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (v) Peruntukan hutang ragu diwujudkan 3% atas Akaun Belum Terima bersih.
- (vi) Bil elektrik sebanyak RM340 pada bulan Disember 2023 belum dijelaskan.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata mengira modal pada 31 Disember 2023. [8 markah]
- (b) Penyata mengira untung rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2023. [4 markah]

- (b) Berikut adalah petikan Buku Catatan Pertama daripada Perniagaan Suramas.

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2024		RM	RM
Mac 15	Ambilan	540	
	Belian		540
	(Mengambil barang niaga untuk kegunaan sendiri)		
20	Kenderaan	28 000	
	Syarikat Heng Auto Sdn. Bhd.		28 000
	(Membeli sebuah kenderaan secara kredit)		

Jurnal Belian

Tarikh	Butir	Jumlah
2024		RM
Mac 10	Delima Trading	1070
31	Akaun Belian	1070

Jurnal Pulangan Belian

Tarikh	Butir	Jumlah
2024		RM
Mac 12	Delima Enterprise	290
31	Akaun Pulangan Belian	290

Anda dikehendaki memindahkan catatan Buku Catatan Pertama di atas ke dalam lejar.

[8 markah]